

PENGURUSAN HUMORAL DAN HUBUNGKAITNYA DENGAN ETIOLOGI SAKIT DEMAM DALAM SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU DI KELANTAN, MALAYSIA

Abstrak :

Sistem perubatan tradisional Melayu merupakan sistem perubatan masyarakat Melayu yang bersifat holistik. Dalam sistem perubatan ini hubungan antara pesakit, perawat dan unsur-unsur alam semulajadi amat dipentingkan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sistem perubatan tradisional Melayu dipengaruhi oleh empat elemen utama iaitu api, tanah, angin dan air. Unsur ini dikenali sebagai humoral yang turut dipercayai oleh kebanyakan sistem perubatan tradisional lain di dunia. Terdapat dua penyebab keuzuran atau sakit dalam masyarakat Melayu iaitu faktor fizikal atau fisiologi manusia seperti keadaan persekitaran dan kedua faktor supernatural seperti gangguan makhluk halus. Kertaskerja ini akan mengulas lebih lanjut faktor alam semulajadi yang terkandung dalam sistem humoral tersebut serta kaitannya dengan etiologi sakit demam dalam masyarakat Melayu Kelantan sehingga kini dengan menggunakan kaedah kajian yang bersifat kualitatif dan interpretasi budaya. Selain itu teknik-teknik penyembuhan penyakit, falsafah perubatan serta peranan golongan perawat Melayu tradisional juga turut disentuh berdasarkan kajian etnografi yang dijalankan oleh penyelidik di beberapa buah daerah di negeri Kelantan.

Kata kunci : Humoral, etiologi, sakit demam, Melayu

PENGENALAN

Sistem perubatan tradisional merupakan satu khazanah budaya Melayu yang mencerminkan pemikiran orang Melayu zaman berzaman terutama yang berhubung kait dengan etiologi penyakit, kesihatan dan perubatan. Masyarakat Melayu mempunyai suatu pandangan semesta tradisional yang kemudiannya diubahsuai dengan kedatangan serta penerimaan agama-agama Hindu-Buddha dan Islam. Kajian mengenai sistem perubatan tradisional Melayu sehingga kini menekankan aspek hubungan manusia dengan persekitarannya. Umumnya manusia dipengaruhi oleh kebudayaannya sehingga ia melihat dan mengamati dunia di sekelilingnya dengan cara yang berbeza daripada kebudayaan lain. Sistem kepercayaan dalam masyarakat Melayu wujud dalam pelbagai bentuk seperti magis, pantang larang, adat, budaya, perlakuan, peristiwa dan juga amalan keagamaan. Sistem kepercayaan ini turut dapat dilihat dalam perubatan tradisional Melayu yang mempunyai hubungkait dengan ekosistem kehidupan dan penyakit yang dihadapi oleh orang Melayu.

Sebelum kedatangan Islam, sistem kepercayaan masyarakat Melayu adalah berasaskan animisme dan dinamisme. Sistem animisme mempercayai bahawa setiap objek ada jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakan sendiri dan kepercayaan ini telah melahirkan banyak pantang larang. Manakala sistem dinamisme pula mempercayai kewujudan tenaga di dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda yang boleh mendatangkan kesan baik dan buruk kepada manusia. Kepercayaan ini dinamakan magis iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan dan upacara tertentu yang dilakukan oleh bomoh atau pawang. Tenaga tersebut dapat digunakan sama ada untuk kepentingan sendiri atau merugikan orang lain. Situasi tersebut turut mempengaruhi sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu (Skeat 1984; Werner 1986 & 2002; Winstedt, 1950). Setelah kedatangan Islam, dapat dilihat pengaruh agama yang agak ketara terutamanya dari segi kaedah perawatan dan pantang larang yang perlu dipatuhi bagi menghindari penyakit sepetimana yang dapat dilihat dalam Kitab Tibb yang menghuraikan pelbagai masalah kesihatan yang dialami oleh orang Melayu pada zaman dahulu. Ilmu tentang etiologi penyakit, kaedah perawatan serta aspek pantang larang ini diturunkan oleh generasi terdahulu bertujuan untuk melawan cabaran sakit demam dalam kehidupan manusia

Sistem perubatan tradisional Melayu seringkali ditafsirkan bersifat tradisional, mistik dan tidak rasional dari segi amalannya. Namun begitu ia masih mendapat tempat dalam masyarakat Melayu. Sehingga kini masih terdapat sebilangan masyarakat Melayu yang menggunakan perkhidmatan bomoh atau dukun untuk menyelesaikan permasalahan mereka (Fatan Hamamah, 1990). Meskipun sering dilabelkan sebagai kolot dan mengamalkan perbuatan yang haram atau syirik, kemujaraban hasil perbomohan atau perdukunan menjadi antara faktor utama kepuasan pelanggan mereka.

Selain pergantungan kepada kepakaran bomoh atau dukun, penggunaan unsur-unsur alam semulajadi daripada sumber flora, fauna dan galian dalam sistem pengubatan Melayu memang tidak boleh dikesampingkan. Antara faktor yang paling ketara dalam pemilihan tersebut ialah pergantungan manusia kepada sistem ekologi sama ada sistem ekologi manusia,

ekologi budaya atau ekologi yang bercorak supernatural. Kesemua penerangan tentang sistem ekologi masyarakat Melayu ini mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem pemikiran mereka terutamanya yang berkaitan dengan kehidupan sosial dan sistem agama. Justeru, dalam menentukan keberlansungan sistem etnoperubatan yang semakin diberi perhatian oleh masyarakat, pengetahuan yang berbentuk lokal dalam sistem perubatan tradisional ini perlu diketengahkan sebagai suatu ‘*social capital*’ yang menyumbang kepada perkembangan pemikiran dan pandangan semesta orang Melayu (Wan Aminah & Fatan Hamamah, 2009).

Kertas kerja ini akan mengupas kepentingan sistem humoral dalam etiologi sakit demam di kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan sebagai kaedah utama di samping kaedah temubual bersemuka dan pemerhatian. Sebahagian daripada dapatan untuk kertas kerja ini diperolehi daripada kajian lapangan yang dijalankan di beberapa daerah di Kelantan. Antara informan yang dikenalpasti bagi kajian ini ialah para bomoh spiritual, bidan kampung dan bomoh pelbagai yang diperolehi secara ‘*snowball sampling*’. Dalam kertas kerja ini, penulis akan menerangkan mengenai etiologi penyakit dan falsafah sakit demam yang dipercayai dan diamalkan oleh golongan perawat tradisional Melayu dalam penyembuhan sesuatu penyakit serta pengurusan aspek humoral dalam etiologi sakit demam masyarakat Melayu di Kelantan. Hubungan tiga dimensi dalam konteks perawatan dan penyembuhan penyakit yang melibatkan keharmonian hubungan antara manusia, Pencipta dengan alam sekeliling akan turut dikupas dalam perbincangan kertas kerja ini.

ETIOLOGI PENYAKIT MENURUT PERUBATAN MELAYU

Etiologi dan falsafah Melayu tentang punca atau sebab musabab timbulnya penyakit pada dasarnya mempunyai hubung kait dengan pemahaman asas ilmu fisiologi Melayu bahawa terdapat empat cairan atau humor utama dalam badan manusia iaitu darah, balgam, air hempedu kuning dan air hempedu hitam. Keempat-empat cairan ini turut dikaitkan dengan empat anasir alam iaitu tanah, air, api dan angin yang mempunyai sifat dan perwatakannya yang tersendiri.


Dalam konteks ini, humor balgham misalnya dikatakan bersifat sejuk dan lembap seperti air; humor darah bersifat panas dan lembap seperti angin; humor air hempedu hitam pula bersifat sejuk dan kering seperti tanah manakala air hempedu kuning bersifat panas dan kering seperti api (Nasr 1964; Hashim 1990). Jelas Fisol (2013: 189):

Keempat-empat anasir yang terdapat dalam badan manusia ini hanyalah simbol yang menggambarkan manifestasi alam tabii ini dalam tubuh insan dan bukan merujuk kehadiran anasir-anasir alam ini secara fizikal. Anasir-anasir ini penting kerana membawa sifat-sifat alam dalam diri manusia menerusi humor dan dengan ini mengharmonikan manusia dengan alam ini.

Hasil interaksi antara humor badan ini menghasilkan temperamen yang mempunyai pelbagai sifat dan turut dipengaruhi oleh unsur-unsur luar seperti cuaca, perbuatan, amalan pemakanan dan juga ubat-ubatan (Ullmann 1978).

Sistem humor Melayu, sepertimana yang dijelaskan oleh Winstedt (1951) Gimlette (1971) Endicott (1970) dan Mohd Taib Osman (1977 & 1988), kuat dipengaruhi oleh sistem kepercayaan masyarakat setempat, unsur keagamaan dan kemasyarakatan. Sistem kepercayaan humor Melayu ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek ritual, adat, pantang larang dan kaedah perubatan dan kesihatan Melayu. Berdasarkan ilmu perubatan Melayu tradisional misalnya, penyakit dapat dibahagikan kepada penyakit jasmani dan rohani. Penyakit jasmani merujuk kepada penyakit luaran yang dapat dirasai oleh badan dan juga dilihat oleh pancaindera seperti demam dan campak. Penyakit demam misalnya akan mengakibatkan peningkatan suhu badan yang diikuti dengan batuk dan kondisi badan yang letih dan lesu. Penyakit rohani pula merujuk kepada penyakit dalaman manusia yang dapat dirasai meskipun tidak dapat dilihat oleh pancaindera (Azlina dan Yusmilayati 2011). Masyarakat Melayu mempercayai bahawa penyakit rohani adalah disebabkan oleh unsur-unsur ghaib seperti makhluk halus, hantu, polong dan sebagainya yang memerlukan kepakaran khas daripada pengamal perubatan tradisional Melayu bagi mengenal pasti punca dan juga merawat penyakit tersebut berdasarkan simptom-simptom yang diberikan.

Selain daripada sebab-sebab fizikal dan rohani, masyarakat Melayu turut mempercayai bahawa penyakit boleh disebabkan oleh gangguan keseimbangan unsur-unsur dalam badan. Teori yang pertama kali diperkenalkan oleh pedagang China dan India di Tanah Melayu ini, tambah Laderman (Laderman, 1983) menerima suntikan daripada orang-orang Arab dan disepadankan dengan budaya pribumi serta konsep' panas 'dan' sejuk '. Konsep keharmonian dan keseimbangan yang merupakan teras dalam perubatan Melayu ini memperlihatkan persamaan dengan tradisi Yunani-Arab sepetimana yang dapat dilihat dalam Rajah 1. Konsep keseimbangan dan harmoni ini juga dilihat mempunyai persamaan dengan perubatan tradisional Cina (Kamil & Khoo, 2006) dan Ayurveda yang menyamakan kehidupan dan kesihatan dengan kehangatan (Laderman, 1987). Teori humoral ini juga turut dipengaruhi oleh kepercayaan animistik Melayu bahawa roh-roh jahat bersifat 'panas' (Laderman, 1987) dan dengan itu memerlukan rawatan yang bersifat meneutralkan atau menyejukkan bagi memulihkan keseimbangan badan (Laderman, 1983).



Rajah 1: Teori humoral Yunani yang dilihat mempunyai persamaan dengan teori humoral Melayu (Sumber: <http://www.hormones.gr>).

Berdasarkan ilmu perubatan Melayu tradisional, klasifikasi dan rawatan penyakit adalah ditentukan berdasarkan sumber penyakit tersebut. Menurut A. Samad (1980), penyakit menurut manuskrip perubatan Melayu adalah berpunca daripada angin, balgam, darah atau campuran darah dan angin. Angin menurut Hashim (2010) merujuk kepada udara yang membawa kotoran atau penyakit dan memasuki atau menyerap ke dalam badan melalui rongga-rongga badan seperti hidung, mulut dan liang rompa. Istilah angin turut merujuk kepada gas yang berkumpul dalam perut atau urat dan juga jiwa serta perasaan. Punca penyakit, jelas A. Samad (1980), dapat diketahui dengan melihat kepada simptom-simptom yang dialami oleh pesakit. Sebagai contoh, penyakit yang dikatakan berpunca daripada angin menyebabkan pesakit mempunyai simptom-simptom seperti badan gementar, mengalami pening kepala, tubuh menggeliat dan sakit pada kedua-dua rusuk dan perut. Sakit yang disebabkan oleh balgam pula akan menyebabkan pesakit mempunyai tanda-tanda seperti mengerang kerana kesejukan, hilang selera makan dan mengalami demam pada waktu pagi. Penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur natural ataupun tabie ini pada kebiasaannya dirawat dengan ubat-ubatan dari sumber alam ataupun bekam bagi mengeluarkan mengeluarkan ‘darah kotor’ dan ‘angin sejuk’ daripada badan (Mohd. Koharuddin, 2003).

Berdasarkan kepercayaan Melayu terhadap teori tindakbalas humoral, makanan, penyakit dan rawatan dikategorikan sebagai 'panas' atau 'sejuk' berdasarkan kualiti intrinsik mereka (Manderson, 1978). Bagi memulihkan keseimbangan badan, masyarakat Melayu mengamalkan kaedah pemakanan dan rawatan tertentu bagi mengurangkan unsur-unsur seperti bendalir yang berlebihan dalam badan atau meningkatkan unsur-unsur yang berkurangan dalam badan (Skeat, 1900). Penyakit demam kura misalnya adalah dikatakan sebagai penyakit yang 'sejuk' kerana terdapat lebihan balgam dalam badan. Demam panas pula dikatakan sebagai penyakit yang bersifat 'panas' kerana terdapat lebihan humor darah dalam badan. Justeru, rawatan tradisional Melayu bagi mengubati penyakit yang 'sejuk' ialah dengan menggunakan ubat-ubatan yang bersifat 'panas' dan menjauhkan pesakit daripada anasir-anasir yang bersifat sejuk seperti angin (Pisol & S.Salahudin, 2013). Rawatan bagi penyakit yang bersifat 'panas' pula adalah dengan menggunakan ubat-ubatan atau kaedah bagi menyejukkan badan (Laderman, 1983) seperti contohnya 'bedak sejuk' yang dijampi oleh pengamal perubatan

tradisional mereka. Kaedah tradisional Melayu dengan mengembalikan keseimbangan dan keharmonian unsur-unsur dalam badan melalui kaedah mengurangi kepanasan dan menyejukkan badan ini dilihat sebagai satu konsep yang asing kepada perubatan Barat (Read, 1966). Berdasarkan kaedah ini, ubat-ubatan Barat seperti ‘penisilin’ adalah dianggap ‘panas’ adalah tidak digalakkan pengambilannya oleh pesakit yang menghidapi penyakit yang bersifat ‘panas’ seperti demam campak. Ubat-ubatan lain seperti aspirin untuk mengurangkan demam dan losyen calamine untuk ruam turut dipercayai kurang berkesan kerana ia mempunyai tindakbalas negatif terhadap tubuh pesakit (Laderman, 1983).

Aspek pengurusan humoral serta etiologi penyakit termasuk juga melibatkan keadaan fisiologi dan penyakit. Justeru, terdapat kaedah pengurusan humoral yang berbeza bagi lelaki dan juga wanita. Berdasarkan kepada maklumat daripada dua orang bidan kampung yang ditemubual oleh penulis, pengurusan humoral amat penting khususnya bagi wanita Melayu sebelum dan selepas bersalin untuk mengekalkan tahap kesihatan wanita. Proses bersalin khususnya mengakibatkan berlakunya perubahan dari segi emosi dan fisiologi setiap wanita. Perubahan ini memberi implikasi terhadap kemunculan pelbagai penyakit fizikal dan gangguan emosi mahupun spiritual yang lazimnya dialami oleh kaum wanita. Penyakit fizikal postpartum dan gangguan emosi serta spiritual postpartum merupakan penyakit serta gangguan yang paling ditakuti oleh setiap wanita selepas bersalin dan sepanjang tempoh berpantang (temubual dengan bidan kampung, Kota Bharu & Pasir Mas, Julai 2011). Penyakit fizikal bagi wanita selepas bersalin merujuk kepada masalah-masalah seperti tumpah darah, jangkitan kuman dan virus, sakit kepala, sakit pinggang serta suhu badan si ibu yang tidak menentu, sama ada terlalu sejuk atau terlalu panas yang boleh menyebabkan berlakunya demam. Gangguan emosi postpartum pula merujuk kepada ‘meroyan’ atau ‘gila meroyan’ yang melibatkan perubahan emosi, tindakan dan tingkah laku yang jika tidak dirawat di peringkat awal boleh mempengaruhi kesihatan mental ibu untuk tempoh yang lama. Gangguan ini dipercayai berpunca daripada perjalanan darah dalam sistem badan yang tidak sampai ke bahagian otak akibat perubahan suhu mahupun persekitaran yang turut mempengaruhi kesihatan ibu

Pemilihan dan pengambilan makanan yang bersesuaian dengan keadaan humoral seseorang wanita sebelum dan selepas bersalin khususnya dapat membantu menyeimbangkan

suhu badan wanita bagi memastikan kesihatan dalaman dan luaran (Laderman 1984 & 1987) emosi serta spiritual mereka. Menurut bidan kampung yang ditemui, aspek pemakanan yang betul termasuk pengambilan makanan yang sesuai dan herba merupakan langkah penjagaan penting bagi memastikan keseimbangan unsur humoral serta mengelakkan gejala penyakit di kalangan para wanita dalam proses berpantang. Berdasarkan kajian etnografi di daerah Kota Bharu, Kelantan dan Langkawi, Kedah Darul Aman, dapat disimpulkan bahawa kaedah pengambilan makanan dan perubatan herba mungkin berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain dalam sesebuah negeri atau daerah kerana ia turut dipengaruhi oleh unsur budaya setempat, adat dan persekitaran. Walau bagaimanapun, jelas informan, perbezaan jenis makanan dan herba yang diambil untuk tujuan kesihatan para ibu sedang berpantang tidak menjadi masalah asalkan ia dapat menyeimbangkan humoral tubuh ibu (Temubual dengan informan di Kota Bharu, Bachok & Tanah Merah, Mac 2012 – Disember 2012). Faktor keseimbangan suhu badan dalaman dan luaran ini adalah sangat penting bagi memastikan badan cergas dan sihat sepanjang tempoh berpantang. Aspek penjagaan ini turut dipercayai dan diamalkan dalam sistem terapi herba tradisional oleh etnik-etnik lain di Asia Tenggara, contohnya masyarakat Jawa dan masyarakat Thai (Esterik, 1988).

FALSAFAH SAKIT DEMAM DAN PENGURUSAN HUMORAL MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

Elemen asas pandangan semesta Melayu selepas menerima pengaruh Islam ialah kepercayaan kepada Allah dan keyakinan bahawa segala alam, termasuk alam dunia, alam arwah dan alam akhirat dicipta dan ditadbir oleh Allah. Sumber utama kepercayaan menurut Hashim Musa (2001) adalah wahyu. Teras utama pandangan semesta Melayu adalah Islam sebagai *ad-deen* yang mencakupi segala aspek termasuk konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Allah. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Roziah Sidik (2011), corak pemikiran perubatan yang dapat dilihat daripada manuskrip MSS 1292 Kitab Tib menunjukkan bahawa kepercayaan Islam yang menjadi anutan masyarakat Melayu memberikan kesan kepada aplikasi perubatan masyarakat khususnya pada awal abad ke-19. Ini dapat dilihat daripada penggunaan ayat-ayat al-Quran sama ada yang dipetik secara rambang, digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran lainnya atau dicampurkan dengan ungkapan-ungkapan tertentu dalam doa.

Antara contoh pengaruh Islam dalam perubatan Melayu ialah ungkapan doa bagi mengubati sakit demam, khususnya demam panas yang dipercayai disebabkan oleh gangguan makhluk halus yang dikenali dengan nama ‘Ummi Mildam’ iaitu:

اللَّهُمَّ ارْحِمْ جِلْدَهُ الرَّقِيقَ، وَعَظِيمَةَ الدَّقِيقَ، وَعَرْقَةَ الصَّغِيرَ، مِنْ شِدَّةِ
الْخَرِيقَ، يَا أَمَّ مَلْدَمَ، إِنْ كُنْتَ عَامِنْتِ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، فَلَا تُصَدِّعِي
الرَّأْسَ، وَلَا تُشْتَبِّهِ الْفَمَ، وَلَا تَحْوِلِي الدَّمَ، وَتَحْوِلِي عَنْهُ إِلَى مَنِ اتَّخَذَ
مَعَ اللَّهِ إِلَهًاٰ عَالَمَ.

Terjemahannya: Ya Allah, kasihanilah kulitnya yang lembut, tulangnya yang halus dan uratnya yang sempit daripada terlalu panas. Wahai Ummi Mildam, jikalau engkau sesungguhnya beriman kepada Allah yang Maha Agung, maka janganlah engkau sakiti kepala, dan janganlah kau pahitkan mulut dan janganlah kau minum darah. Berpindahlah darinya kepada orang yang menyekutukan Allah dengan Tuhan yang lain (Haron Din, 2010)

Hubungkait antara manusia, alam dan Tuhan dalam perubatan Melayu dalam konteks ‘Huquq Allah’, ‘Huquq al-ibad’ dan ‘Huquq al-alam’ memperlihatkan ciri-ciri komprehensif perubatan Melayu setelah mendapat suntikan dari Islam. Dalam konteks ‘Huquq Allah’ misalnya dapat dilihat pergantungan masyarakat Melayu kepada Allah dalam pengubatan seperti yang dapat dilihat daripada ungkapan ‘afiat olehnya dengan tolong Tuhan seru sekalian alam’ (Roziah, 2011). Kebanyakan golongan perawat tradisional Melayu yang ditemui turut berpegang kepada prinsip bahawa ‘tiada penyakit yang tidak boleh diubati, kecuali tua dan mati’. Prinsip ini sejajar dengan salah sebuah hadis nabi yang menggalakkan umatnya berusaha dan berikhtiar untuk mengubati sesuatu penyakit. Justeru, golongan perawat ini bersandarkan kepada konsep usaha, ikhtiar dan tawakkal kepada Allah kerana apa juga penyakit datangnya dari Allah berserta dengan penawarnya.

Dalam konteks hubungan sesama manusia, penekanan diberikan kepada penunaian hak individu dan masyarakat (Wan Abdul Halim, 1993) terutamanya dalam memberikan bantuan

dan sokongan ketika sakit. Berdasarkan kepercayaan dan pandangan semesta Melayu, konsep yang ditekankan dalam masyarakat Melayu ialah kesederhanaan yang meliputi fikiran dan tindakan dalam konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Tuhan (Abdul Halim & Md Shuaib, 1993). Konsep kesederhanaan ini ditekankan bukan hanya dalam pemakanan malah pergaulan dan kelakuan dalam konteks hubungan manusia dengan makhluk, alam dan Tuhan. Konsep ini dilihat penting dalam usaha mewujudkan keharmonian antara manusia sesama manusia, dengan alam dan juga Tuhan bagi mengelakkan kemudharatan dan juga bencana. Dalam konteks perubatan Melayu, konsep kesederhanaan dilihat penting dalam usaha mencegah penyakit. Kesederhanaan pada makanan misalnya mampu bertindak sebagai ‘ubat yang terlebih utama daripada sekalian ubat’ dengan mengamalkan makan dan minum hanya ketika lapar dan dahaga serta berhenti sebelum kenyang (Abdul Samad, 1983: 12)

Falsafah sakit demam dalam masyarakat Melayu Kelantan juga bersangkut paut dengan hubungan manusia dengan PenciptaNya serta hubungannya dengan ekologi dan persekitaran sosialnya. Sehubungan ini ia melibatkan hubungan manusia dengan masyarakat, iaitu cara pembawaan diri dalam masyarakat agar hubungan sentiasa harmoni dan sihat. Gangguan dalam hubungan sosial boleh mengakibatkan seseorang mengalami masalah kesihatan dalaman yang berpunca daripada sifat dengki khianat, dendam, amarah dan sebagainya. Ekoran daripada sifat hasad dengki seseorang itu boleh mengalami gangguan sihir. Maka di sini akan wujud penyakit yang berpunca daripada faktor supernatural seperti gangguan makhluk halus, santau, pelalau dan seumpamanya (Temubual dengan informan, Beris Kubur Besar, Disember 2012).

Menurut Shamsul Amri (2001), wujud satu keadaan yang dikenali sebagai ‘hipokondria Melayu’ bila mana terdapat perbezaan sikap di kalangan masyarakat Melayu terhadap luka, lenguh, sakit dan bisa yang dianggap sebagai penyakit biasa, dengan demam, yang mungkin disebabkan oleh perlanggaran pantang larang pemakanan, secara sengaja atau tidak sengaja ‘mengganggu’ makhluk halus atau kesan perbuatan sihir yang dikenakan ke atas pesakit. Hal ini, tegas beliau, turut memberikan kesan terhadap pemilihan teknik rawatan bagi penyakit yang dihidapi. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Azlina dan Yusmilayati (2011) di Kelantan, terdapat pemahaman di kalangan masyarakat Melayu Kelantan bahawa sakit demam adalah disebabkan oleh gangguan makhluk halus. Justeru, kaedah perubatan yang digunakan bagi

mengubati sakit demam yang teruk ialah melalui kaedah rawatan ‘main teri’ yang ditawarkan oleh pakar perubatan Melayu yang dikenali sebagai ‘tok teri’. Menurut Aishah @ Eshah dan Abd. Aziz (2012), dalam proses mengenalpasti jenis dan punca penyakit, ‘bomoh teri’ menggunakan semangkuk bertih yang dibahagikan kepada tiga bahagian yang dikenali sebagai ‘kakak tua’, ‘kakak tengah’ dan ‘adik bongsu’. Setiap bahagian bertih ini kemudiannya dikira secara berpasangan dengan menggunakan unsur-unsur alam iaitu tanah, air, api dan angin mengikut urutan yang ditetapkan. Unsur tanah dipercayai membentuk badan manusia, unsur air pula membentuk lendir manakala unsur api membentuk darah dan nanah, dan unsur angin membentuk nafsu. Dengan mengira jumlah bertih dalam setiap bahagian, ‘bomoh teri’ dikatakan mampu mengenalpasti punca penyakit sama ada disebabkan oleh unsur tanah, air, api atau angin (Aishah @ Eshah dan Abd. Aziz, 2012).

Kaedah rawatan yang digunakan dalam ‘main puteri’ ialah dengan menggunakan sumber alam seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan seperti ayam mentah dan telur khususnya bagi tujuan penjamuan kepada hantu dan jin bagi mengubati penyakit yang disebabkan oleh gangguan daripada makhluk halus tersebut. Selain itu, kaedah rawatan ‘main teri’ turut melibatkan bacaan jampi atau mantera bagi menghalau makhluk halus yang mengganggu pesakit dan ‘menawarkan’ penyakit tersebut. Meskipun ubat-ubatan sintetik dan doktor perubatan telah mengambil alih peranan bomoh dan pawang dalam masyarakat Melayu Kelantan pada masa kini, kepercayaan tentang wujudnya perkaitan antara makhluk halus dan sakit demam serta keberkesanan ‘main teri’ dalam mengubati sakit demam masih wujud dalam masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. (Azlina dan Yusmilayati, 2011).

Berdasarkan pemerhatian dan pengamatan penulis, pengetahuan dalam sistem perubatan Melayu tradisional merupakan khazanah peribadi perawat dan tidak boleh diperturunkan dengan mudah kepada sesiapa sahaja bagi menjaga kesucian ilmu perbomohan dan mengelakkan daripada disalahgunakan. Menurut salah seorang informan, ilmu perbomohan yang dimiliki harus dijaga bagi mengelakkannya menjadi ‘tawar’.¹ Atas dasar ini juga, kebanyakan golongan perawat yang ditemui tidak mengenakan bayaran yang khusus kepada

¹ Konsep ‘tawar’ di sini merujuk kepada tidak kesan yang mujarab apabila perawat tersebut merawat pesakitnya akibat mereka melanggar pantang larang dalam amalan perbomohnya atau menyalahgunakan ilmu perbomohan yang dimiliki untuk tujuan yang tidak baik.

pesakit. Sebaliknya bayaran yang diterima dianggap sebagai suatu sedekah atau hadiah ikhlas daripada pesakit berkenaan kepada perawat tersebut. Keadaan ini, jelas Hashim (2006), jelas menunjukkan bahawa bomoh merupakan ‘gedung ilmu perubatan Melayu’ yang dipercayai mempunyai tanggungjawab untuk membebaskan pesakit daripada keuzuran dan kesakitan agar kembali sihat seperti sedia kala (Hashim, 2006). Inilah antara keistimewaan hubungan antara perawat dengan pesakit dalam konteks sistem perubatan tradisional Melayu sehingga memungkinkan perubatan Melayu tradisional terus kekal hingga ke hari ini.

KESIMPULAN

Etiologi sakit demam dalam masyarakat Melayu Kelantan sehingga kini masih kuat dipengaruhi oleh faktor natural dan juga supernatural seperti gangguan makhluk halus, sihir dan seumpamanya. Kajian ini menunjukkan bahawa khidmat para pengamal perubatan tradisional Melayu masih relevan kepada masyarakat Melayu di Kelantan untuk merawat pelbagai penyakit termasuklah sakit demam yang dibincangkan dalam kertas kerja ini. Faktor agama, adat, ekologi dan budaya khususnya merupakan faktor yang berkait rapat dalam proses pengubatan dan penyembuhan sakit demam kerana unsur-unsur yang digunakan dalam proses perawatan sangat berhubung kait antara unsur dalaman pesakit dengan persekitaran alam, manusia dan Pencipta. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa perubatan tradisional Melayu yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan mempunyai asas falsafah dan prinsip yang boleh dikaji secara rasional. Inisiatif bagi memelihara perubatan tradisional Melayu seperti kajian, pemuliharaan, pendokumentasian dan pengawasan perlulah dipertingkatkan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan agar khazanah Melayu ini tidak terus hilang ditelan zaman.

PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Ucapan penghargaan & terima kasih kepada semua informan yang sudi ditemubual dan memberikan kerjasama dalam kajian ini. Penyelidik turut berterima kasih kepada Universiti Sains Malaysia untuk geran insentif dan geran Universiti Penyelidikan yang diperuntukkan untuk kajian ini.

RUJUKAN

- Aisyah @ Eshah Mohamed & Abd Aziz Bidin. (2012). Tumbuhan dalam Upacara Pembomohan: Kes Main Teri di Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (4), 56-63.
- A. Samad Ahmad. (1980). *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esterik, P.V. (1988). To Strengthen And Refresh Herbal Therapy In Southeast Asia. *Social Science and Medicine*, 27 (8), 751-759.
- Laderman, C. (1984). Food Ideology and Eating Behaviour: Contributions from Malay Studies. *Social Science and Medicine*, 19 (5), 547-559
- Laderman, Carol Ciavatti. (1987). Destructive Heat and Cooling Prayer: Malay Humoralism in Pregnancy, Childbirth and the Postpartum Period. *Social Science and Medicine*, 25 (4), 357-65.
- Laderman, Carol Ciavatti. (1983). *Wives and Midwives Childbirth and Nutrition in Rural Malaysia*. Berkeley, Los Angeles, London: University of California Press.
- Chen, P.C.Y. (1970). Indigenous Concepts of Causation and Methods of Prevention of Childhood Diseases in a Rural Malay Community. *The Journal of Tropical Paediatrics*, 16 (2), 33-42.
- Gimlette, John D. (1913). Some Superstitious Beliefs Occuring in the Theory and Practice of Malay Medicine. *Journal of the Straits Branch of Royal Asiatic Society*, 65, 29-35.
- Haron Din. (2010). *Ruqyah Asas Pengubatan Islam*. Bangi: Darussifa'
- Hashim Awang. (1990). *Family-based Popular Health Culture in a Malay Village in Kelantan, Peninsula Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, University of Hawaii.
- Hashim Awang. (2006). ‘Berkatalah Bomoh Melayu...’. Syarahan Perdana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Awang. (2010). Penyakit dalam Kitab Tib Melayu: Manifestasi Pemikiran Melayu tentang Perubatan’. Dalam A. Aziz Deraman (Ed), *Peradaban Melayu Timur Laut*:

Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu (hlm 40-62). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamil M. Ariff & Khoo S. Beng. (2006). Cultural Health Beliefs in a Rural Family Practice: A Malaysian Perspective. *Australian Journal of Rural Health*, 14 (1), 2-8.

Lenore Manderson. (1978, Disember). *Hot-Cold Food Classifications and Physical Well-Being in Peninsular Malaysia: Preliminary Observations*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Margaret Read. (1966). *Culture, Health and Disease: Social and Cultural Influences on Health Programmes in Developing Countries*. London: Tavistock Publications.

Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2003). Ketamadunan Melayu dan Sains: Satu Analisis Awal ke atas Pencapaian Masyarakat Melayu dalam Bidang Sains. *Jurnal Teknologi*, 39 (E), 47-61.

Pisol Maidin. (2013). Ilmu Anatomi dan Fisiologi dalam Kitab *Bustan al-Salatin*. Dalam Rahimah A.Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman & Nazarudin Zainun (Ed), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu* (hlm180-192). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Pisol Maidin & S. Salahudin Suyorno (2013, Februari 25). *Etnofarmokologi Melayu-Islam: Kearifan Tempatan dalam Manuskip-Manuskrip Perubatan Melayu*. Kertas kerja Seminar Serantau kajian Manuskip Melayu dan Kearifan Tempatan, Fakultas Adab IAIN Ar-Raniry Banda Aceh.

Shamsul Amri Baharuddin. (2001). The Role of the Behavioural Sciences in Medicine: Anthropology and Medicine. Dalam Shamsul Amri Baharuddin (Ed), *Social Anthropology of the Malays* (hlm 174-179). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Skeat, Walter William. (1900). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The Macmillan Company.

Thomson, Florence Adam. (1960). Child Nutrition: A Survey on the Parit District of Perak, Federation of Malaya. *Bulletin Institute Medical Research Malaya*, 10, 1-73.

Wan Aminah & Fatan Hamamah. (2009, Julai 28-29). *Perubatan Alternatif Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia: Antara Dimensi Islam dan Factor Budaya*. Kertas kerja Seminar Wahyu Asas Tamadun SWAT 2009 : Reinforcement of Fardhu Kifayah in the Evolution of Human Civilization, Universiti Sains Islam Malaysia.